AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Sabah kembali dominasi kes Covid-19

**PUTRAJAYA:** Selepas beberapa hari Selangor mendominasi bilangan pesakit baharu Covid-19, semalam Sabah kembali merekodkan kes positif tertinggi iaitu 326 kes diikuti Selangor sebanyak 161 kes dan Negeri Sembilan, 158 kes.

Sebanyak 103 kes baharu berkenaan berkaitan kluster-kluster di lokap dan penjara membabitkan Kluster Bakti (95 kes), Kluster Tembok (5 kes), Kluster GK Tawau (2 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (1 kes).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, keseluruhan kes positif iaitu 935 kes semalam sekali gus menjadikan jumlah kumulatif Covid-19 meningkat kepada 60,752 kes.

Menurut beliau, terdapat 110 kes positif dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 45 kes memerlukan bantuan pernafasan dan tiga kematian direkodkan.

Mengulas lanjut, Dr. Noor Hisham berkata, dua kluster baharu dikesan di Tawau, Sabah iaitu Kluster Bot Biru, 17 kes manakala Kluster Blok 31, 13 kes.

"Bagi Kluster Gemilang melibatkan sebuah syarikat logistik di Johor Bahru, Johor, sebanyak 26 kes dan Kluster Tapak Binaan Sungai Udang di Kepong, Kuala Lumpur membabitkan 11 kes.




**IMPAK Covid-19 mengubah nasib kebanyakan rakyat dan ia tidak terkecuali buat pengusaha bas persiaran, Anuar Alwi yang kini menjual nasi berlauk, menu dari Kelantan di Jalan Perak, Kuala Lumpur demi kelangsungan hidup. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

"Di Kota Bharu dan Machang, Kelantan, Kluster Chengal membabitkan kes Severe Acute Respiratory Infections (SARI) dilaporkan positif dengan 15 kes dikesan serta Kluster Damar Laut di Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang dan Padang Terap, Kedah, sebanyak 13 kes positif," kata beliau dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, sebanyak 173 kluster aktif direkodkan semalam.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44 kluster mempunyai pertambahan kes.

"Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini (semalam) ialah Kluster Bakti (95 kes), Kluster Cergas (48 kes) dan Kluster Enggor (43 kes)," katanya.